

PENGUMUMAN

PELAKSANAAN PERKHIDMATAN AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (*MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY, MQA*) BAGI MENCEGAH PENULARAN WABAK COVID-19

1. Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) sentiasa komited bersama Kerajaan dalam membendung penularan wabak COVID-19.
2. MQA ingin memohon perhatian semua pihak, terutamanya pelanggan yang berurusan dengan MQA dan pengunjung ke bangunan Mercu MQA di Cyberjaya mengenai situasi semasa COVID-19. Pada umumnya, operasi perkhidmatan MQA berjalan seperti biasa. Namun, mengambil kira trend semasa penularan wabak COVID-19, MQA menggalakkan pelanggan dan pengunjung untuk memilih berurusan **secara dalam talian atau penghantaran dokumen melalui pos** seperti berikut:

| Bil. | Urusan: | Pilihan Pelaksanaan: |
|------|---|---|
| a. | Perkhidmatan Kaunter Permohonan | Penghantaran dokumen melalui pos |
| b. | Lawatan Premis (Penilaian Permohonan Akreditasi) | MQA Virtual Audit |
| c. | Hari Mesra Pelanggan | Hari Mesra Pelanggan Dalam Talian |
| d. | Latihan Jaminan Kualiti | Latihan Jaminan Kualiti Dalam Talian |
| c. | Pengambilan Sijil Akreditasi/APEL | Penghantaran melalui pos |
| e. | Pengambilan Surat Nilai Taraf/Pengesahan Pengiktirafan | Penghantaran melalui pos |
| f. | Pembayaran Perkhidmatan | Pembayaran secara dalam talian dengan merujuk https://www.mqa.gov.my/pv4/bm/faq_payment.cfm |

3. Mohon perhatian para pelanggan MQA bahawa keberadaan secara fizikal di bangunan Mercu MQA, Cyberjaya adalah **tertakluk kepada kelulusan pihak MQA**. Sehubungan itu, MQA menggalakkan perbincangan dan perundingan berkaitan perkhidmatan MQA dilaksanakan secara dalam talian. Janji temu bagi urusan ini boleh dimohon melalui: <https://www.picktime.com/AgensiKelayakanMalaysiaMQA>.
4. Pertanyaan lanjut atau khidmat nasihat khusus juga boleh disalurkan ke sistem atau e-mel berikut:

Pertanyaan Umum : <https://www2.mqa.gov.my/sppa/>

Pendaftaran Program : unitpendaftaran@mqa.gov.my

Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) : apeladmin@mqa.gov.my

Nilai Taraf/Pengesahan Pengiktirafan : esisraf@mqa.gov.my

Sijil Akreditasi/*Malaysian Qualifications Register (MQR)* : unitsijil@mqa.gov.my / mqr@mqa.gov.my

Latihan Jaminan Kualiti : upjk.mqatc@mqa.gov.my

5. Pemakluman MQA adalah tertakluk kepada perkembangan terkini wabak COVID-19 dan arahan pihak berkuasa. MQA berhak untuk membuat sebarang pindaan atau penambahbaikan terhadap pelaksanaan perkhidmatan MQA dari semasa ke semasa. Pelanggan dan pengunjung di bangunan Mercu MQA adalah dimohon mengambil perhatian terhadap pemakluman ini bagi mencegah penularan wabak COVID-19.